



KE PENJARA: Galau (hadapan, kanan) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen setelah selesai dijatuhkan hukuman, semalam.

Lelaki Indonesia dipenjara lima tahun kerana miliki katana tanpa tujuan sah

KUCHING: Seorang lelaki warga Indonesia dijatuhi hukuman penjara lima tahun dan dikenakan dua sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah memiliki sebilah katana berukuran 57 sentimeter, tanpa tujuan sah.

Hakim Noorhisham Mohd Jaafar memerintahkan tertuduh Galau Abun, 35, yang tidak diwakili peguam, untuk dirujuk ke Jabatan Imigresen Malaysia selesai menjalani hukuman.

Galau didakwa melakukan kesalahan terbabit pada 24 Januari 2025 sekitar jam 11 pagi di Jalan Bau-Serikin di Bau.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 6 (1) Akta Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 yang membawa hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun dan tidak melebihi 10 tahun serta sebat jika sabit kesalahan.

Fakta kes mendedahkan seorang lelaki telah membuat laporan polis berhubung kejadian dua individu tidak dikenali yang melakukan kesalahan khianat dengan memotong kabel di Gumbang Booster Pump, Bau pada 24 Januari 2025 kira-kira jam 10 pagi.

Lelaki Indonesia dipenjara lima tahun kerana miliki katana tanpa tujuan sah

► Dari Muka 1

Pada hari yang sama kira-kira jam 11 pagi, sepasukan polis yang menjalankan operasi telah memeriksa sebuah kereta sedan berada dalam keadaan mencurigakan di Jalan Bau-Serikin.

Hasil pemeriksaan menemukan seorang lelaki warga Indonesia dikenali sebagai Galau Abun, berada di dalam kenderaan tersebut.

Melalui pemeriksaan ke atas kenderaan berkenaan juga, polis menemui serta merampas pelbagai barangan termasuk sebilah katana berukuran 57 sentimeter, sebilah parang sepanjang 38 sentimeter bersama sarung, seunit gergaji kayu berukuran 51 sentimeter, sebatang tukul, sepasang playar grip, segulung kabel, serta dua telefon bimbit.

Turut dirampas ialah sebuah kereta kompak bersama kuncinya.

Polis seterusnya menahan Galau untuk tindakan selanjutnya dan hasil siasatan mendapati dia memiliki sebilah katana berukuran 57 sentimeter tanpa tujuan yang sah.

Katana itu ditemui di bahagian tempat duduk penumpang hadapan, terletak di bawah kerusi dan tidak disorokkan di dalam mana-mana ruang simpanan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Adriana Maisarah Mohd Farid.